

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 FEB 2015

## AS tak berhak campur tangan: Dr Mahathir

*BH - 13/2/2015*

**Kuala Lumpur:** Tindakan Amerika Syarikat (AS) yang cuba campur tangan berhubung keputusan Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman lima tahun penjara ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerana kuasa besar itu mahu beliau mengetuai 'rejim baharu' Malaysia.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata AS tidak sepatutnya mencampuri urusan Malaysia, sebaliknya negara itu perlu menjaga dan mentadbir rakyatnya dengan baik terlebih dahulu.

### **Perlu hormati mahkamah**

Katanya, keadaan lebih buruk apabila ada pihak melancarkan petisyen bagi mendesak Rumah Putih membantu membebaskan Anwar kerana ia sepatutnya tidak berlaku.

"Negara itu (AS) tidak ada hak mengkritik cara Malaysia. Moral mereka bukan tinggi sangat, patut kritik diri sendiri terlebih dahulu.

"Anwar adalah calon AS bagi menggantikan pemimpin negara sebab itu mereka tak suka dia dipenjarakan," katanya pada sidang media selepas Forum Dilema Malaysia di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, AS tidak boleh terus membuli sesiapa sahaja hanya kerana negara itu berasa 'besar'.